

Titah Ucapan Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kelantan Oleh Sultan Muhammad V: Satu Analisis Retorik

Nurulain Abdul Razak*, Che Ibrahim Salleh dan Hashim Musa

*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia,
43400 Serdang, Selangor, Malaysia.*

ABSTRAK

Kajian ini merupakan penelitian aspek retorik dalam titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan ke-29. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti teknik retorik dalam teks rasmi diraja, untuk menganalisis dan menghuraikan aspek penggunaan kosa kata, kekuatan dan keberkesanan seni pengucapan Sultan Muhammad V. Data kajian ini dianalisis secara kuantitatif untuk meneliti peratusan penggunaan teknik retorik, dan secara kualitatif, iaitu dengan huraian deskriptif teks berlandaskan prinsip ketiga teori retorik moden Enos dan Brown (1993), iaitu untuk memberikan kesan mendalam terhadap ujaran atau penulisan. Sebanyak 251 ayat telah dicerakinkan daripada tiga teks ucapan, di samping terdapat 27 jenis teknik retorik yang telah dikenal pasti dengan ditandai ungkapan tertentu berdasarkan kategori Lakuan Bahasa. Hasil kajian mendapati bahawa Sultan Muhammad V menggunakan beberapa elemen retorik dalam titah ucapannya, iaitu aliterasi, polisindeton, repitisi, soalan retorik, metafora, simile, alusi, dan kosa kata asing daripada bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Teknik dan elemen yang dimanfaatkan dalam pengucapan ini mampu memberikan kesan terhadap kefahaman khalayak.

Kata Kunci: Elemen retorik, kosa kata asing, lakuan bahasa, teknik retorik

ABSTRACT

This study focuses on the rhetoric of the speeches of Royal Highness Sultan Muhammad V, the 29th Sultan the state of Kelantan. The objectives of the study are twofolds, viz. to identify the rhetoric techniques utilised by His Royal Highness, the vigour and effectiveness of his speech and finally to analyse the messages embedded in his three official addresses, selected as the data of this study. The study uses both the qualitative and quantitative approaches, base on the one principles of modern rhetoric developed by Enos and Brown (1993). The principles are the deep impact factor and the understanding capacity in the rhetoric expression used. A

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar:

Diterima:

E-mail:

ainnuriman89@yahoo.com (Nurulain Abdul Razak),

cibrahim@upm.edu.my (Che Ibrahim Salleh),

hashim10m@hotmail.com (Hashim Musa)

* Corresponding author

total of 251 sentences were analysed taken from three texts of the His Highness's official speeches. There are 27 rhetoric technique types that have been identified based on Speech Act categorization. It is also found that there are certain rhetoric techniques that are more in use than others. Some of the techniques used were alliteration, polysyndeton, repetition, rhetorical question, metaphor, simile, allusion, and foreign languages words such as English and Arabic. Technique and element benefited in this expression afford to give impact towards audience comprehension.

Keyword: Elements of rhetoric, foreign word, rhetorical techniques, speech acts

PENGENALAN

Ucapan sebagai wahana penyampaian mesej dan idea kepada khalayak boleh ditakrifkan sebagai ungkapan atau keupayaan untuk meluahkan pemikiran dan perasaan dengan suara yang jelas. Henry Guntur Tarigan (1981, ms.15) mengatakan bahawa ucapan merupakan suatu bahagian yang secara keseluruhannya menunjukkan keperibadian, mencerminkan lingkungan seorang pengucap, keadaan hubungan sosial dan tahap pendidikannya. Manakala, titah ucapan boleh dikenali sebagai ucapan khas atau rasmi yang disampaikan oleh sultan ataupun raja. Titah ucapan biasanya akan disampaikan dalam majlis tertentu dan dengan tujuan tertentu. Dalam erti kata lain, titah ucapan oleh golongan diraja ini tidak boleh disampaikan sekiranya tiada majlis rasmi yang diperkenankan.

Dalam penganalisisan ini, pengkaji telah memilih teks titah ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Muhammad V yang merupakan al-Sultan Negeri Kelantan Darul Naim yang ke-29 dan telah dilantik sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang keempat belas pada tanggal 13 Disember 2011. Pelantikan yang bersejarah ini telah menzahirkan rasa gembira dan kesyukuran rakyat Negeri Kelantan khususnya dan seluruh Malaysia amnya. KDYMM Sultan Muhammad V merupakan Sultan Kelantan yang mentadbir Negeri Kelantan dengan penerapan unsur Islam kepada rakyat yang dinaungi baginda. Pengkajian titah ucapan Baginda Sultan dalam bidang retorik adalah untuk meneliti aspek seni berbicara yang berkesan dalam pengucapan rasmi diraja.

Dori Wuwur Hendrikus (1991, ms.14) mengatakan bahawa retorik ialah seni berbicara, yang bererti mengucapkan kata atau kalimat kepada seseorang atau sekumpulan manusia untuk mencapai sesuatu tujuan tertentu. Berbicara ialah salah satu kemampuan yang dimiliki khusus oleh manusia. Bahasa dan pembicaraan itu muncul ketika manusia mengungkapkan dan menyampaikan fikirannya kepada manusia lain yang menjadi khalayak. Manakala, Asmah Haji Omar (2007, ms.163) mendefinisikan retorik sebagai keupayaan menggunakan bahasa secara berkesan, yang juga merupakan ciri penting dalam bahasa. Keberkesanan sesuatu yang dibicarakan bergantung pada bahasa yang dituturkan, sama ada difahami maksudnya atau sebaliknya. Tahap kefahaman sesuatu bahasa yang digunakan pula mencapai keberkesanan bergantung pada keupayaan seseorang individu itu menggunakan ciri yang ada dalam sesuatu bahasa tersebut.

Bidang retorik yang pada asalnya merupakan seni berucap adalah untuk mempengaruhi pemikiran khalayak. Kesenian dalam penggunaan bahasa ketika berucap bertujuan untuk menyampaikan sesuatu maksud atau tujuan dengan lebih berkesan. Seseorang pengucap

akan menggunakan jenis bahasa yang lebih berseni, halus dan formal jika dibandingkan dengan bahasa yang digunakan semasa proses perbualan sehari-harian.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian retorik teks ucapan yang dianalisis sebelum ini lebih memberikan tumpuan kepada teks ucapan politik. Pelbagai pengelasan subgolongan teknik retorik dalam ucapan telah dinyatakan oleh beberapa pengkaji. Misalnya, oleh Lee Ai Chat (2001) yang meneliti teknik retorik dalam teks ucapan politik yang lebih kepada penyampaian maklumat politik dan meraih sokongan khalayak. Manakala Zoriati Osman (2005) pula hanya meneliti secara mendalam jenis retorik pemujukan dari segi kepentingan pemanfaatannya dalam bidang politik. Seterusnya, Abdul Mua'ti (2007) menganalisis struktur retorik dalam ucapan politik Tun Mahathir berdasarkan sembilan teknik retorik oleh Cook (1989). Kajian mereka ini telah memperjelas teknik retorik yang kebiasaannya digunakan dalam pengucapan politik seperti teknik pemujukan, teknik pernyataan maklumat, teknik menghasut dan pelbagai teknik untuk memperoleh sokongan politik. Namun begitu, kajian tentang penggunaan ungkapan yang halus dan beradab belum dilakukan. Lompang inilah yang akan diisi oleh kajian ini. Kajian teks titah ucapan diraja Kelantan mempunyai kelainan yang ditandai dalam ungkapan untuk menentukan teknik retorik yang digunakan. Teknik yang digunakan lebih kepada menasihati, menyeru, pernyataan perasaan, dan seumpamanya. Pemanfaatan teknik retorik dalam teks ucapan diraja adalah berbeza dengan teks ucapan biasa kerana sifatnya yang lebih formal dan penggunaan ungkapan atau bahasa yang lebih halus dan beradab.

Selain pengkaji teks ucapan politik, terdapat juga pengkaji yang meneliti teks ucapan diraja seperti Choong Kee Foong (2003). Choong Kee Foong hanya memberikan fokus terhadap isu perlembagaan negeri Brunei dan rancangan Malaysia dengan meneliti strategi retorik yang digunakan oleh KDYMM Sultan Omar Ali Saifuddien III terhadap isu Perlembagaan Negeri Brunei dan isu Rancangan Penubuhan Malaysia. Pendedahan terhadap kefahaman bahasa diraja yang digunakan juga tidak disentuh. Keadaan ini juga memberikan lompang kepada pengkaji untuk meneliti retorik ucapan rasmi titah ucapan diraja. Oleh itu, dalam kajian retorik teks titah ucapan diraja ini, pengkaji akan turut meneliti prinsip dan gaya bahasa diraja yang terdapat dalam pengucapan rasmi baginda. Penelitian teknik retorik dan gaya bahasa dalam teks ucapan KDYMM Sultan Muhammad V ini dapat meningkatkan kefahaman rakyat terhadap maksud dan tujuan yang disampaikan oleh baginda.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Mengenal pasti teknik retorik yang terdapat dalam teks ucapan KDYMM Sultan Muhammad V.
2. Menganalisis dan menghuraikan aspek penggunaan kosa kata, kekuatan dan keberkesanan seni pengucapan KDYMM Sultan Muhammad V berasaskan elemen retorik.

KEPENTINGAN KAJIAN

Ucapan ialah satu proses berkomunikasi antara seseorang pengucap dengan pendengar. Pengucapan melibatkan penghantaran mesej berbentuk lisan dan juga bukan lisan. Pengucapan bukan sahaja menyampaikan mesej daripada maksud percakapan tetapi juga melalui bahasa badan, penampilan dan tingkah laku serta etika.

Kajian tentang retorik pengucapan yang memberikan fokus kepada titah ucapan rasmi Baginda Sultan Kelantan perlu dilakukan kerana sehingga hari ini tidak ada kajian dalam bidang ini yang dilakukan terhadap teks titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V dalam Malaysia. Sebagai rakyat yang taat setia kepada sultan, dalam negeri Kelantan khususnya, luar negeri Kelantan umumnya perlu memahami maksud titah ucapan baginda semasa mendengar ucapan yang disampaikan oleh Baginda Sultan. Amanat yang disampaikan oleh Baginda Sultan lebih kepada menasihati, merangsang dan bersifat galakan untuk melahirkan pemimpin dan masyarakat yang lebih baik pada masa akan datang.

Selain itu, kajian ini melampirkan teks ucapan Baginda Sultan sebagai dokumen rasmi yang penting, mendatangkan manfaat kepada seluruh rakyat jelata yang meliputi pelbagai lapisan masyarakat termasuk para pelajar, warga pendidik, para pentadbir, dan sebagainya.

SOROTAN LITERATUR

Analisis teks ucapan DYMM Sultan Kelantan masih belum mendapat perhatian pengkaji, terutamanya dalam bidang retorik. Antara pengkaji bidang retorik dalam negara ialah, Zulkifli Ahmad Hamid (2005), Sobariah Baharum (2008), Siti Saniah Abu Bakar (2009), Lee Ai Chat (2001), Zoriati Osman (2005), Nor Azuwan Yaakob (2008), Choong Kee Foong (2003) dan Abdul Mua'ti @ Zamri (2007).

Zulkifli Ahmad Hamid (1985) antara pengkaji lama yang pernah memberikan fokus pengkajian dalam bidang retorik. Kajian beliau berdasarkan Hukum Retorik Klasik Aristotle untuk meninjau peristiwa politik yang bersejarah di Persekutuan Tanah Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan. Kajian ini juga meneliti sifat keperibadian Tunku Abdul Rahman yang mempengaruhi kerjayanya sebagai seorang pembina negara. Terdapat empat puluh dua skrip ucapan Tunku telah diteliti antara 1951 hingga 1957, iaitu 17 skrip tentang isu berkerajaan sendiri, 15 skrip tentang isu perpaduan negara dan sepuluh skrip tentang isu keselamatan dalam negeri. Kajian Zulkifli ini memfokuskan penelitian dan pengenalan strategi retorik inversi, disposisi, gaya bahasa dan penyampaian skrip ucapannya ke atas isu kemerdekaan di Persekutuan Tanah Melayu.

Berdasarkan dapatan kajian beliau dari segi retorik inversi, penekanan telah dibuat ke atas bukti logik, bukti emosi dan bukti etika. Penelitian dari sudut disposisi pula, penekanan telah dilakukan terhadap bahagian pengenalan, isi dan kesimpulan. Manakala, dari segi gaya bahasa, Zulkifli telah meneliti skrip ucapan Tunku berdasarkan 4 kualiti gaya bahasa yang tradisional, iaitu kejelasan bahasa, ketepatan bahasa, kesesuaian bahasa dan kebiasaan bahasa. Beliau telah mendapati bahawa Tunku memaparkan ungkapan bahasa yang spesifik, kata yang sederhana, unsur kemudahfahaman pada sesetengah kata atau ayat ciptaan Tunku. Tunku juga menggunakan kata yang tepat dalam aspek diksi dalam ucapannya. Hal ini bersesuaian dengan konteks bahasa, budaya bahasa serta stratifikasi sosial pengucap dan pendengar.

Manakala, Zoriati Osman (2005), dalam kajian beliau telah meneliti teks ucapan politik Abdul Hadi Awang dari segi retorik. Lima buah teks ucapan politik Abdul Hadi Awang telah dipilih sebagai korpus kajian. Kajian ini bertujuan untuk mengupas keberkesanan penggunaan bahasa dan kepelbagaian teknik pemujukan yang digunakan oleh pemeran berdasarkan teori yang dikemukakan oleh Hunt (1987 dlm. Zoriati Osman, 2005). Dalam kajian ini, Zoriati Osman membincangkan retorik pemujukan, dan jenis retorik pujukan serta elemen pemujukan dalam bidang politik, iaitu semasa menjalankan aktiviti kempen pilihan raya. Berdasarkan dapatan kajian beliau, dua aspek bahasa yang paling menonjol dalam ucapan Abdul Hadi Awang, iaitu penggunaan unsur ragam bahasa, dan bahasa kiasan. Pengkaji juga turut membincangkan aspek pemilihan diksi yang terdapat dalam teks kajian yang dipilih. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Abdul Hadi Awang telah mengadun pelbagai teknik pemujukan dan aspek kebahasaan dalam ucapan pemujukannya untuk menghasilkan sebuah ucapan politik yang berkesan dan menarik.

Choong Kee Foong (2003) dalam "*Analisis Strategi Retorik Sultan Omar Ali Saifuddin III tentang Isu-isu Perlembagaan Negeri Brunei dan Rancangan Malaysia, 1959-1963*" telah mengkaji teks titah Sultan Omar Ali Saifuddin III. Kajian ini meneliti strategi retorik yang digunakan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III terhadap isu Perlembagaan Negeri Brunei dan isu Rancangan Malaysia. Dalam setiap isu itu, aspek inversi, disposisi dan gaya bahasa dikenal pasti dan dihuraikan. Sebanyak 36 buah titah terpilih Sultan Omar Ali Saifuddin III telah digunakan untuk analisis. Satu perbandingan perbezaan kekerapan penggunaan strategi retorik dalam ketiga-tiga aspek itu dilakukan bagi setiap isu tersebut. Beliau menggunakan Hukum Retorik Aristotle untuk analisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 35 jenis strategi retorik yang dapat dikenal pasti dalam teks titah Sultan Omar Ali Saifuddin III. Bagi isu Perlembagaan Negeri Brunei, strategi retorik yang paling kerap digunakan ialah inversi manakala bagi isu Rancangan Malaysia, strategi retorik yang paling kerap digunakan ialah disposisi. Hasil kajian ini mendapati bahawa Sultan Omar Ali Saifuddin III lebih kerap menggunakan bukti logik dalam titah untuk majlis rasmi, dan bukti emosi dalam majlis tidak rasmi.

SKOP KAJIAN

Dalam kajian ini, perbincangan dibataskan kepada ucapan KDYMM Sultan Muhammad V yang dipilih berdasarkan kepentingan pemahaman dan penghayatannya oleh rakyat jelata. Teks kajian itu terdiri daripada tiga buah teks ucapan rasmi KDYMM Sultan Muhammad V, iaitu pada tahun 2010, 2012 dan 2014, iaitu:

1. Teks ucapan baginda sempena Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) bagi Tempoh Penggal yang ke-3 Dewan Negeri Kelantan, Yang Ke-12 pada 7 November 2010.
2. Teks ucapan baginda dalam Istiadat Pembukaan Penggal ke-5 Dewan Negeri ke-12 pada 1 Mac 2012.
3. Teks ucapan baginda dalam Istiadat Pembukaan Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan ke-13 pada 4 Mac 2014.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan sebanyak tiga teks ucapan rasmi KDYMM Sultan Muhammad V sebagai korpus dalam kajian analisis bahasa. Kesemua teks ini diperoleh daripada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) antara tahun 2010 sehingga tahun 2014. Untuk memastikan bahawa analisis dilakukan secara bersistematik, pengkaji akan mencerakinkan teks ucapan yang terpilih kepada ayat demi ayat untuk memudahkan pemahaman pembaca terhadap penganalisisan. Sebanyak 251 ayat telah diambil daripada tiga teks yang dipilih dan dicerakinkan untuk memudahkan pengkaji menganalisis teknik yang digunakan oleh KDYMM Sultan Muhammad V.

Ketiga-tiga teks ini adalah pada tahun 2010, 2012, dan 2014 dan akan dinamakan sebagai Teks 1, Teks 2, dan Teks 3. Manakala ayat yang dicerakinkan akan ditandai dengan singkatan; 'P' untuk perenggan dan 'b' untuk baris. Contohnya; lokasi T1 P2 b1-4 bermaksud petikan yang terdapat dalam teks pertama, iaitu pada 2010, berada di perenggan kedua dan dalam baris pertama sehingga baris keempat. Oleh itu, untuk memastikan bahawa analisis dapatan kajian nanti supaya lebih jelas, kaedah kuantitatif akan diaplikasikan untuk memberikan gambaran jelas peratusan kekerapan teknik retorik yang dimanfaatkan oleh KDYMM Sultan Muhammad V dalam setiap titah ucapan baginda.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 27 teknik yang dimanfaatkan oleh Baginda Sultan dalam tiga teks ucapan dengan 251 ayat yang telah dicerakinkan. Sebanyak 12 teknik retorik dikenal pasti digunakan dalam teks ucapan Baginda Sultan dan daripada 12 teknik ini, pengkaji telah membahagikannya kepada 21 subgolongan. Teknik Pernyataan Perasaan [TPP] dibahagikan kepada 6 subgolongan, Teknik Pernyataan Maklumat [TPM] dibahagikan kepada 6 subgolongan, 3 subgolongan daripada Teknik Didaktik [TD], 2 subgolongan daripada Teknik Pengukuhan [TPK], dan 4 subgolongan daripada Teknik Penerangan [TPN]. Selebihnya ialah Teknik Kesopanan [TKS], Teknik Kepastian [TKP], Teknik Permintaan Tindakan [TPT], Teknik Pernyataan Tolak Ansur [TPT/A], Teknik Perundingan [TPD], dan Teknik Penafian [TPF]. Jadual 1 dan Rajah 1 di bawah ini menunjukkan peratusan kekerapan pemanfaatan teknik retorik yang diperoleh daripada penganalisisan tiga teks yang dipilih.

Jadual 1 dan Rajah 1, telah memaparkan peratusan kekerapan pemanfaatan teknik retorik dalam tiga teks ucapan KDYMM Sultan Muhammad V. Bilangan ayat yang menandai teknik retorik yang paling tinggi ialah sebanyak 43 ayat (17%), iaitu Teknik Pernyataan Perasaan jenis harapan [TPP (h)], kedua tertinggi ialah Teknik Didaktik jenis seruan [TD (s)], iaitu sebanyak 30 ayat (12%). Ketiga tertinggi pula ialah Teknik Pengukuhan secara sumber [TPK (s)] dengan 22 ayat (8.8%). Keempat tertinggi pula ialah Teknik Penerangan dengan kenyataan umum [TPN (ku)], iaitu sebanyak 20 ayat (8%). Teknik selebihnya adalah sekata dan tidak jauh berbeza kekerapan penggunaannya dalam pengucapan Baginda Sultan. Teknik retorik yang paling rendah ialah Teknik Pernyataan Perasaan kecewa [TPP (c)] dan Teknik Pernyataan Maklumat tambahan konteks masa [TPM (t-km)], iaitu masing-masing hanya dua pemanfaatannya dalam ucapan. Beberapa contoh teknik adalah seperti yang berikut;


Teknik Pernyataan Perasaan jenis harapan [TPP (h)]

Pengkaji mendapati bahawa Baginda Sultan paling kerap menyatakan perasaan melalui harapan, iaitu sebanyak 43 kali kekerapan dengan 17% pemanfaatannya dalam ketiga-tiga titah ucapan yang dikaji. Teknik jenis ini menunjukkan ungkapan yang digunakan oleh pengucap, dengan menyatakan harapan Baginda kepada khalayak pendengar, iaitu Ahli Yang Berhormat dan rakyat jelata dengan tujuan segala yang diharapkan itu dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Antara ungkapan yang digunakan untuk menyatakan teknik ini adalah seperti *beta harap*, *berharap*, *semoga*, *Insyallah*, dan *beta berhasrat*.

- T1 P21 b16-21 Dalam hal ini *beta menaruh harapan* agar semua tanah-tanah yang telah dibuat pengambilan diberi keutamaan khusus dalam pelan pelaburan sektor awam Rancangan Malaysia Kesepuluh.
- T1 P22 b1-8 Beta juga *menaruh harapan* yang tinggi agar pihak kerajaan persekutuan dapat menyediakan agihan peruntukan yang sesuai dan adil dalam pelaksanaan pelan pelaburan sektor awam Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi negeri ini selaras dengan agenda pembangunan negeri Kelantan.

Berdasarkan data kajian yang diperoleh, dapat dilihat teknik pernyataan perasaan jenis harapan dimanfaatkan oleh Baginda Sultan secara berurutan dalam dua contoh ayat yang telah dicerakinkan. Penggunaan teknik ini mempamerkan harapan baginda terhadap sesuatu perkara yang akan dilaksanakan kepada rakyat jelata.

Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Retorik



Rajah 1: Peratusan Kekerapan Pemanfaatan Teknik Retorik

JADUAL 1
Jumlah Pemanfaatan Teknik Retorik mengikut Teks Ucapan.

Bil	Teknik	Teks 1	Teks 2	Teks 3	Jumlah	Peratus (%)
1	TKS	3	4	3	10	4
2	TKP	3	1	1	5	2
3	TPP (gm)	2	3	2	7	2.8
4	TPP (gm-ks)	5	1	1	7	2.8
5	TPP (gm-pj)	5	3	2	10	4
6	TPP (c)	-	-	1	1	0.4
7	TPP (h)	14	17	12	43	17
8	TPP (k/s)	2	1	-	3	1.2
9	TPM (c)	2	-	1	3	1.2
10	TPM (l)	5	10	1	16	6.4
11	TPM (t)	5	7	7	19	7.6
12	TPM (t-t)	1	3	2	6	2.4
13	TPM (t-km)	-	1	1	2	0.8
14	TPM (t-pk)	4	3	2	9	3.6
15	TD (l)	1	-	-	1	0.4
16	TD (n)	1	1	1	3	1.2
17	TD (s)	10	10	10	30	11.9
18	TPK (s)	10	9	3	22	8.8
19	TPK (m)	1	3	-	4	1.6
20	TPN (ku)	9	10	1	20	8
21	TPN (s)	5	-	-	5	2
22	TPN (pjl)	-	1	1	2	0.8
23	TPN (tj)	1	4	2	7	2.8
24	TPT	4	5	3	12	4.8
25	TPT/A	1	1	-	2	0.8
26	TPD	-	1	-	1	0.4
27	TPF	-	1	-	1	0.4
	Jumlah ayat	94	100	57	251	100

Teknik Didaktik dengan seruan –[TD (s)]

Teknik didaktik secara seruan merupakan teknik kedua yang paling kerap dimanfaatkan oleh Baginda Sultan, iaitu sebanyak 30 kali kekerapan dengan 11.9%. Teknik jenis ini berfungsi sebagai ajakan atau anjuran yang bertindak memanggil atau menyeru khalayak untuk bertindak. Subgolongan teknik ini ditandai dengan ungkapan seperti *perlulah*, *hendaklah*, *marilah*, *mestilah*.

T1 P12 b11-15 Beta mengingatkan bahawa semua aktiviti pelancongan yang hendak dilaksanakan *perlulah* selari dengan tuntutan syarak dan tidak bercanggah dengan kesucian agama Islam.

- T3 P6 b7-10 Semua pihak perlu berhemat dalam berbelanja. Rakyat perlu merancang menggunakan kemudahan sedia ada dengan sebaiknya dan pihak kerajaan perlu mengurus tadbir kewangan secara telus dan bijaksana.

Baginda memperlihatkan sikap mengambil berat dan perihatin terhadap perihal rakyat jelata dengan menyatakan ungkapan nasihat seperti ajakan, galakan dan saranan untuk memastikan bahawa setiap perkara yang dilakukan tidak merugikan dan berlandaskan syariat agama.

Teknik pengukuhan secara sumber [TPK (s)]

Teknik pengukuhan telah dimanfaatkan oleh Baginda Sultan sebanyak 22 kali kekerapan, iaitu dengan 8.8%. Teknik jenis ini bermaksud usaha pengucap untuk mengukuhkan sumber maklumat dengan menggunakan ungkapan seperti; *berdasarkan, merujuk kepada, beta difahamkan, beta dimaklumkan*.

- T2 P13 b1-3 *Beta dimaklumkan* bahawa pelbagai program pelancongan telah dirancang sepanjang tahun sempena tahun melawat Kelantan dua ribu dua belas ini.
- T3 P11 b1-3 *Beta mendapat maklum* bahawa Program Bertani Satu Ibadah telah memberi impak yang positif kepada sektor pertanian negeri.

Kedua-dua contoh yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa penggunaan ungkapan yang membawa erti, diberitahu atau dimaklumi oleh pihak tertentu dalam menyatakan sesuatu fakta atau informasi yang benar berdasarkan sumber yang sahih. Baginda Sultan sentiasa mengambil berat perihal berkaitan negeri mahupun luar negeri Kelantan dalam memastikan bahawa keadaan rakyat jelata tidak terabai.

Teknik penerangan kenyataan umum [TPN (ku)]

Teknik ini menggunakan ungkapan untuk menjelaskan dan menerangkan sesuatu, sama ada yang telah diketahui atau maklumat baharu yang belum diketahui kepada khalayak. Teknik ini ditandai dengan ungkapan seperti; *adalah, ialah, ini bermaksud, merupakan*.

- T1 P17 b1-6 Dasar kerajaan negeri bagi melahirkan rakyat berdikari *adalah* satu usaha termasuk mengekalkan produk seni dan kraf Kelantan yang sudah mahsyur sejak sekian lama seperti batik, songket, ukiran kayu dan sebagainya.
- T2 P29 b1 Pendidikan *merupakan* asas penting dalam kehidupan manusia.

Berdasarkan dua contoh yang dinyatakan di atas adalah menjadi bukti kepada penggunaan teknik penerangan secara kenyataan umum yang dimanfaatkan oleh Baginda Sultan dalam menjelaskan tentang sesuatu perkara. Contoh pertama, baginda mengatakan bahawa dasar kerajaan negeri Kelantan yang dibina adalah untuk membentuk masyarakat yang boleh berdikari dalam menghasilkan pelbagai produk untuk menambah pendapatan keluarga.

Teknik pernyataan maklumat secara tambahan [TPM (t)]

Teknik Pernyataan Maklumat secara tambahan berlaku apabila pengucap menyampaikan maklumat, dan kemudiannya membuat penambahan pada maklumat yang sedang disampaikan. Teknik ini digunakan adalah untuk memastikan bahawa setiap perkara yang disampaikan jelas dengan penerangan tambahan yang lengkap. Teknik retorik ini ditandai dengan ungkapan seperti; *dan, juga*.

Contohnya:

- T1 P6 b6-8 Pertumbuhan ini didorong kuat oleh permintaan domestik *dan* diperkuatkan oleh prestasi eksport.
- T3 P12 b11-14 Begitu *juga* dengan projek jalan persisiran pantai *dan* projek-projek infrastruktur yang lain dapat dilaksanakan dengan segera

Penggunaan dua ungkapan seperti yang terdapat dalam contoh di atas, jelas membuktikan bahawa terdapat penambahan maklumat daripada isu yang dinyatakan oleh Baginda Sultan dalam penyampaian sebelumnya. Misalnya contoh T3 P12 b11-14, Baginda Sultan sebelumnya menyatakan tentang projek pembinaan lebuh raya Kota Bharu-Kuala Krai yang tergendala sejak sekian lama. Teknik pernyataan maklumat yang dimanfaatkan oleh baginda menunjukkan masalah yang berurutan dan tidak diselesaikan sepenuhnya.

Teknik pernyataan perasaan gembira (kesyukuran) [TPP (gm-ks)]

Teknik jenis ini ditandai dengan ungkapan seperti; *syukur, Alhamdulillah, segala puji-pujian dan kesyukuran, beta bersyukur, dan beta berterima kasih*.

- T1 P28 b11-17 Beta *bersyukur* dengan situasi semasa yang wujud di negeri ini, Islam amat menitikberatkan sikap toleransi, bekerjasama, saling memahami antara satu sama lain untuk kebaikan bersama kerana ianya akan mendapat rahmat dari Allah subhanahu Wata'ala.

Berdasarkan contoh yang dinyatakan, Baginda Sultan menggunakan beberapa ungkapan untuk menggambarkan rasa kesyukuran baginda terhadap kebaikan, kelebihan serta nikmat yang diperoleh rakyat baginda dalam sesuatu perkara. Sikap baginda ini jelas memperlihatkan sikap rendah diri dan sikap ambil berat terhadap keadaan rakyat jelata tanpa mengira susah dan senang.

Teknik Penafian [TPF]

Teknik ini turut dikenali sebagai teknik penyampaian yang mempunyai unsur penyangkalan, iaitu sebagai penafian. Teknik jenis ini didapati hanya 1 kali kekerapan penggunaannya yang dikenal pasti, iaitu terdapat dalam teks 2. Pengucap menggunakan teknik ini untuk menyangkal sesuatu perkara yang disampaikan. Antara ungkapan yang digunakan adalah seperti *tidak, tidak benar, bukan*.

T2 P35 b2-3 Dasar pemerintahan Islam tidak menolak kepentingan penganut agama lain.

Teknik ini tidak kerap digunakan oleh Baginda Sultan dalam pengucapan rasmi kerajaan yang melibatkan Ahli Dewan Undangan Negeri. Teknik penafian bukan sahaja berunsur negatif tetapi juga membawa erti penolakan.

Secara keseluruhannya, penggunaan teknik retorik dalam titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V adalah untuk meningkatkan daya keseimbangan dalam mengungkapkan kata agar memberikan kesan kepada khalayak pendengar dan seterusnya mendapat perhatian serta tindakan terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, sebagai rakyat kita seharusnya bertindak serta mengambil peranan dengan setiap perkara yang dibangkitkan seperti soal pembangunan negeri dan kemaslahatan seluruh rakyat jelata agar dapat diselesaikan seterusnya dipertingkatkan ke arah yang lebih baik. Sebagai rakyat yang taat setia, kita perlu memahami dan bertindak dengan setiap perkara yang diperkatakan oleh Baginda Sultan untuk membuktikan bahawa kita rakyat yang taat dan patuh dengan titah KDYMM Sultan Muhammad V sebagai pemerintah.

ELEMEN RETORIK

Pengkaji mendapati bahawa Baginda Sultan menggunakan bahasa yang sama dengan khalayak, tetapi mungkin mempunyai kosa kata yang sedikit berbeza. Penggunaan kosa kata dikaitkan dengan penerapan elemen retorik yang digunakan oleh Baginda Sultan adalah untuk mencapai tahap keberkesanannya kepada khalayak. Aristotle (1984) pernah mengatakan bahawa pengucap perlulah menggunakan bahasa yang tepat, benar dan dapat diterima, pemilihan perkataan yang jelas, penggunaan ungkapan yang indah dan bersesuaian dengan khalayak yang menjadi sasaran pengucapan.

Penerapan elemen retorik dalam pengucapan Baginda Sultan adalah bertujuan untuk memberikan kesan mendalam terhadap pengucapan. Sebanyak tujuh elemen retorik yang telah dikenal pasti dalam titah ucapan perasmian KDYMM Sultan Muhammad, iaitu aliterasi, simile, alusi, polisindeton, dan hiperbola.

Aliterasi

Menurut Dowis (2000), aliterasi bermaksud pengulangan beberapa bunyi awal dalam setiap perkataan. Manakala, Beebe dan Beebe (2003) pula mengatakan bahawa aliterasi sebagai pengulangan bunyi konsonan yang sama pada awal frasa, klausa, atau ayat. Contohnya adalah seperti yang berikut;

T2 P9 b6-9 Dalam masa yang sama “Bertani Satu Ibadah” bukan sahaja *diketahui* tetapi *dihayati* dan *diterapkan* secara serius dalam semua aspek pertanian, perikanan dan penternakan ...

T2 P30 b1-5 Beta berharap *penilaian pencapaian* mutu *pendidikan* bukan sahaja berdasar kepada keputusan peperiksaan, tetapi para meter *penghayatan*, *pengamalan* ilmu itu dapat diterjemahkan dalam kehidupan terutama dari segi *penghayatan* akhlak yang mulia

Contoh T2 P9 b6-9 memperlihatkan pengulangan suku kata pertama dalam baris yang sama, iaitu imbuhan awalan 'di' yang menunjukkan kata kerja pasif untuk perbuatan. Pengulangan ini digunakan adalah untuk memberikan penekanan terhadap tindakan khalayak terhadap pernyataan dasar "Bertani Satu Ibadah" yang telah diperkenalkan. Manakala contoh T2 P30 b1-5 menunjukkan pengulangan imbuhan awalan kata nama 'peN-' yang digunakan oleh baginda bagi beberapa kata dasar dalam ayat yang sama.

Polisindeton

Menurut Gorys Keraf (1984), polisindeton merupakan penggunaan kata hubung yang berlebihan, iaitu beberapa kata, frasa, atau klausa yang digunakan secara berurutan dihubungkan satu sama lain dengan kata sambung. Contohnya adalah seperti yang berikut:

T2 P9 b13-19 Perkembangan sains *dan* teknologi terkini terutama sekali dalam bidang bioteknologi yang sedang diterokai oleh kerajaan negeri pada masa ini diharap dapat meningkatkan hasil *dan* menambah mutu *dan* kualiti pengeluaran *dan* secara langsung dapat menambah nilai hasil tersebut *dan* memberikan pendapatan yang lebih kepada petani, penternakan *dan* nelayan.

Contoh ini membuktikan bahawa Baginda Sultan juga menyatakan sesuatu maklumat secara berterusan dengan hanya menggunakan kata hubung 'dan', iaitu dengan tidak mengakhiri sesuatu ayat dengan tanda noktah. Penggunaan kata hubung ini akan menjadikan sesuatu ayat itu panjang dan sarat dengan maklumat yang berkaitan antara satu sama lain.

Simile

Simile merupakan elemen retorik untuk menyatakan perbandingan atau persamaan yang secara jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan dua objek atau lebih melalui beberapa kata hubung *seperti*, *bagai*, *bak*, dan seumpamanya. Gorys Keraf (1984), menjelaskan simile sebagai persamaan yang membawa maksud perbandingan yang bersifat eksplisit, iaitu secara langsung menyatakan bahawa sesuatu itu sama dengan hal yang lain. Dalam pengucapan rasmi, pengkaji mendapati bahawa baginda tidak kerap menggunakan elemen ini disebabkan oleh keberkesanan penerapan elemen simile adalah perlu memenuhi syarat penggunaan ungkapan yang segar dan asli, idea bandingan juga perlu sesuai dengan subjek yang dikemukakan, dan selari dengan konteks penggunaannya. Buktinya:

T2 P36 b1-5 Beta ingin mengingatkan kepada semua pihak sama ada di kalangan umat Islam atau kalangan bukan Islam, dalam sebuah negara *seperti* Malaysia yang penduduknya berbilang kaum, berbilang anutan agama, politik tentang agama harus diurus dengan cermat dan berhemah ...

Berdasarkan contoh di atas, jelas penggunaan elemen simile adalah untuk menyatakan perlambangan tentang Malaysia sebagai sebuah negara yang memiliki kepelbagaian bangsa, agama dan kepercayaan.

Alusi

Alusi ialah perbuatan pengucap memberikan bayangan atau merujuk kepada sesuatu secara tidak langsung. Secara jelas alusi ialah rujukan ringkas berdasarkan beberapa perkara seperti orang, tempat atau peristiwa. Gorys Keraf (1984) berpandangan bahawa alusi merujuk kepada sesuatu secara eksplisit atau implisit kepada tokoh, peristiwa, atau tempat dalam kehidupan nyata, mitos, atau dalam karya sastera yang terkenal. Contoh yang terdapat dalam teks adalah seperti yang berikut:

T3 P17 b3-6 Beta difahamkan *satu Pusat Latihan Belia sedang dirancang pembinaannya di Pengkalan Chepa* untuk memberi kemudahan latihan dalam pelbagai bidang.

Contoh yang diberikan ini membuktikan bahawa elemen alusi diterapkan oleh Baginda Sultan untuk berkongsi maklumat yang diterima dengan khalayak. Baginda membayangkan kepada khalayak tentang pembinaan Pusat Latihan Belia yang dirancang untuk memberikan kemudahan latihan kepada belia di negara ini.

Penggunaan kosa kata asing

Bahasa Arab

Baginda Sultan kerap menggunakan beberapa istilah bahasa Arab untuk menyatakan pelbagai definisi tentang sesuatu perkara yang disampaikan.

T2 P28 b12-14 Kepimpinan kini telah berjaya menerapkan nilai-nilai *tarbiyah* dan disiplin dalam membentuk imej pemain dan penonton sukan di negeri ini.

T3 P16 b3-7 Beta berharap agar penambahbaikan kepada gerakan *amar makruf nahi mungkar* dapat dilaksanakan, terutama melalui penguatkuasaan undang-undang oleh semua pihak yang berkaitan.

Kata '*tarbiyah*' dalam contoh T2 P28 b12-14 bermaksud pendidikan atau pengasuhan yang mengajak umat manusia memahami dan beramal dengan nilai Islam untuk membentuk disiplin dalam diri seseorang. Baginda Sultan menghubungkan sesuatu tindakan atau amalan dengan konteks agama Islam. Manakala contoh T3 P16 b3-7, penggunaan istilah Arab '*amar makruf nahi mungkar*' memberikan maksud mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Baginda Sultan mengharapkan pelaksanaan gerakan melalui penguatkuasaan untuk mengajak rakyat jelata melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran terus ditingkatkan.

Bahasa Inggeris

T1 P18 b5-13 Beta mengucapkan terima kasih kepada kerajaan persekutuan dengan cadangan projek *central spine road* iaitu pembinaan jalan baru dan menaiktaraf jalan persekutuan laluan lapan ...

- T2 P25 b4-8 ... pembangunan Bandar Baru Tunjong yang semakin rancak di samping kesan berganda *multiplier effects* yang akan dapat dinikmati oleh rakyat negeri Kelantan hasil dari projek-projek yang telah diluluskan tahun lepas.
- T3 P12 b1-4 Beta difahamkan bahawa negeri Kelantan telah diberikan siling peruntukan sebanyak satu perpuluhan tujuh billion ringgit bagi pelaksanaan pelbagai projek di bawah *rolling plan* ketiga Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Baginda Sultan juga sering kali menggunakan kosa kata bahasa Inggeris untuk menjelaskan sesuatu perkara agar lebih jelas dan difahami. Berdasarkan tiga contoh yang dinyatakan di atas, kebiasaannya baginda menggunakan istilah bahasa Inggeris adalah untuk menjelaskan secara tepat tentang sesuatu perkara atau projek yang dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa sebanyak lapan elemen retorik terdapat dalam teks titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V, iaitu aliterasi, repitisi, metafora, simile, alusi, polisindeton, hiperbola dan penggunaan bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Setiap elemen retorik yang digunakan oleh KDYMM Sultan Muhammad V dalam titah ucapan berupaya menyatakan maksud, nada, rasa dan pemikiran baginda. Bahasa yang digunakan juga tidak bersifat memaksa tetapi lebih kepada menyarankan khalayak pendengar secara menyenangkan.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa penggunaan teknik retorik dalam titah ucapan KDYMM Sultan Muhammad V adalah untuk meningkatkan daya keseimbangan dalam pengungkapan kata agar memberikan kesan kepada khalayak, dan seterusnya mendapat perhatian serta tindakan terhadap sesuatu perkara. Sebagai khalayak, Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai wakil rakyat perlu bertindak serta mengambil peranan dengan setiap perkara yang dibangkitkan seperti soal pembangunan negeri dan kemaslahatan seluruh rakyat jelata agar dapat diselesaikan, seterusnya dipertingkatkan ke arah yang lebih baik.

Manakala penerapan elemen retorik yang digunakan oleh Baginda Sultan adalah untuk memberikan kesan kepada khalayak. Elemen ini digunakan oleh Baginda Sultan untuk memberikan keindahan melalui ketepatan kosa kata, kejelasan dan kesesuaian bahasa dengan khalayak yang menjadi sasaran dalam pengucapan. Di samping itu juga, Baginda Sultan ingin menjelaskan maksud sebenar ucapan kepada khalayak, agar diberikan perhatian serius, dan diambil tindakan sewajarnya.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2007). *Pemikiran Tun Dr. Mahathir bin Mohamad*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Aristotle. (1984). *The rhetoric and the poetics of Aristotle* (R. W., Roberts, Penterjemah). New York: The Modern Library.

- Asmah Haji Omar. (2007). *Bahasa diraja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beebe, S. A. & Beebe, S. (2003). *Public speaking: An audience-centered approach*. Boston: Allyn and Bacon.
- Choong Kee Foong. (2003). *Analisis strategi retorik Sultan Omar Ali Saifuddien III tentang isu-isu perlembagaan negeri Brunei dan rancangan Malaysia, 1959-1963*, (Disertasi Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Cook, J. S. (1989). *The element of speechwriting and public speaking*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Dori Wuwur Hendrikus. (1991). *Retorika*. Yogyakarta: Penerbit Kanisius.
- Dowis, R. (2000). *The lost art of the great speech*. New York: American Management Association Publications.
- Enos, T. & Brown, S. C. (1993). *Defining the new rhetoric*. New York: Sage Language Society.
- Gorys Keraf. (1984). *Diksi dan gaya bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia
- Henry Guntur Taringan. (1981). *Berbicara sebagai suatu keterampilan berbahasa*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung.
- Lee Ai Chat. (2001). *Analisis teks ucapan politik Bahasa Melayu dari segi retorik; Satu kajian kes terhadap ucapan politik Dr. Mahathir Mohamad* (Disertasi Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik kewartawanan Melayu akhbar Berita Harian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Saniah Abu Bakar. (2009). *Retorik dalam wacana iklan radio* (Disertasi Doktor Falsafah). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Sobariah Baharum. (2008). *Retorik dalam Novel-novel Abdullah Hussain* (Disertasi Doktor Falsafah). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zoriati Osman. (2005). *Retorik pujukan: Kajian kes ceramah Haji Hadi Awang* (Disertasi Sarjana). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Zulkifli Ahmad Hamid. (1985). *A Rhetorical analysis of the selected speeches of Tunku Abdul Rahman Putra on the issues of independence for Malaya, 1951-1957* (Disertasi Doktor Falsafah). Ohio: University of Ohio.